



Buletin

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS



Libat Urus



28 OKTOBER 2020—PEJABAT SPRM



22 OKTOBER 2020—KUALA PERLIS

Kerjasama bersama MAIPs dan Jabatan Alam Sekitar Perlis Bagi Program HASN Peringkat Negeri Perlis 2020



28 OKTOBER 2020—PERLIS FM



Program Denai Sungai Kebangsaan di Terusan Jejawi pada 25 Disember 2020



Program Hijrah Minda Masjid Kg. Long Boh, Perlis pada 20 November 2020



Mesyuarat

Mesyuarat Jawatan Kuasa Tetap Alam Sekitar Bil 1/2020 Negeri Perlis yang telah diadakan pada 7 Ogos 2020 memutuskan satu Jawatankuasa Pencegahan Pembakaran Terbuka dan Pencemaran Udara diwujudkan. Susulan itu mesyuarat diaturgerak dan diadakan bagi membincangkan, tanggungjawab serta perwakilan kuasa setiap agensi di dalam melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan ke atas kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti khususnya menangani isu pembakaran terbuka.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis, Tuan Haji Azman Shah Bin Ismail dan dihadiri beberapa agensi seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian, Polis Diraja Malaysia, MADA, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Perbandaran Kangar dan SWCorp.



Mesyuarat Jawatankuasa Pencegahan Pembakaran Terbuka dan Pencemaran Udara pada 1 Oktober 2020



Perhimpunan Bulanan Bil. 4/2020 Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis pada 11 Disember 2020 yang dipengerusikan oleh Pengarah En. Azman Shah bin Ismail.



Pada 26 Oktober 2020—Perbincangan JAS Perlis bersama dengan pihak NCIA-MTD di Jabatan Alam Sekitar Perlis.



Pada 14 Disember 2020—Mesyuarat Pengurusan Pelupusan Enapcemar (SW204) Tapak Pelupusan Sanitari Rimba Mas, Titi Tinggi oleh Loji Rawatan Air di Negeri Perlis yang dipengerusikan oleh Pengarah JAS Perlis Tuan Haji Azman Shah Bin Ismail.



Operasi Kenderaan Bermotor

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan Ops Gerak Gempur dan Bersepadu bersama-sama dengan JAS Pulau Pinang, JAS Kedah, PDRM Trafik Perlis, JPJ Perlis, JPJ Pulau Pinang sepanjang bulan oktober hingga disember bagi tahun 2020. Operasi ini telah melibatkan penguatkuasaan bagi pematuhan kawalan pelepasan daripada enjin diesel, petrol dan bunyi bising motorsikal. Ops Gerak Gempur telah dijalankan di JPJ Seberang Jaya Pulau Pinang pada 15 Oktober 2020. Manakala Ops Gerak Bersepadu pada 17, 25 & 28 Oktober, 7 & 21 November dan 9 Disember 2020.

Pelbagai jenis kenderaan telah melalui pemeriksaan dan diuji sepanjang tempoh operasi dijalankan. Daripada jumlah yang diuji, ada tawaran kompaun telah dikeluarkan termasuklah perintah larangan serta notis arahan. Pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 akan terus dipergiatkan agar pencemaran terhadap alam sekitar dapat dibendung bagi menjaga kelestarian alam sekitar.



Operasi Penguatkuasaan JAS Negeri Perlis

Operasi Ops Gempur kali ini telah diadakan pada setiap bulan dari 13 hingga 15 Oktober, 17 hingga 19 November dan 1 dan 3 Disember 2020 ke atas premis-premis yang terletak di negeri Perlis. Ops ini melibatkan keseluruhan tenaga bahagian penguatkuasaan JAS Negeri Perlis seramai 6 orang yang dibahagikan kepada 2 kumpulan.

Diharapkan dengan Ops Gempur ini dan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan dapat meningkatkan pematuhan sendiri oleh semua pihak khususnya industri supaya operasi di premis mereka adalah sentiasa mengikut kehendak perundangan dan memastikan kepentingan alam sekitar diberi perhatian serius oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Ops ini telah berjaya dilaksanakan dengan meningkatnya pematuhan semasa dan mencapai objektifnya. Siri penguatkuasaan akan terus dijalankan sepanjang masa.



Operasi Kumbahan Perlis telah dijalankan pada 15, 22 & 29 November 2020. Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan ke atas 28 Loji Kumbahan di Negeri Perlis. Tujuan penguatkuasaan dijalankan bagi memastikan setiap premis-premis yang diperiksa mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 agar pencemaran terhadap alam sekitar dapat dibendung bagi menjaga kelestarian alam sekitar.



Operasi Ops Lembangan dan Rondaan Malam JAS Negeri Perlis bil.1/2020 telah diadakan pada 10 & 17 Disember 2020 bagi mencegah kejadian pencemaran sungai dan pelupusan haram buangan terjadual. Operasi ini adalah operasi khas dalam penguatkuasaan Akta Kualiti Alam sekeliling 1974 dengan memfokuskan kepada punca-punca pencemaran yang terletak di lembangan sungai terutamanya di kawasan hulu takat pengambilan air.

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis

Pada 09 November 2020 – Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menganjurkan Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di



Kangar Perlis khusus bagi premis-premis yang mengendalikan buangan terjadual di negeri ini. Melalui seminar ini premis didedahkan dengan peraturan dan pengendalian buangan terjadual mengikut garis panduan dan kaedah yang telah ditetapkan seperti di dalam peraturan.

Selain itu, kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik juga telah diterapkan kepada semua peserta dengan menetapkan 15 kg buangan elektrik dan elektronik bagi setiap

penyertaan. Kempen pengumpulan ini juga diteruskan ke sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi melalui Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Peringkat Negeri Perlis pada 1 hingga 31



Oktober 2020. Hasil kutipan buangan elektrik dan elektronik yang berjaya dikumpul adalah sebanyak 25, 192 kg atau bersamaan 25.19 tan.

Bagi kategori sekolah rendah telah dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Putra dengan kutipan sebanyak 1.5 tan, dan bagi kategori sekolah menengah telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Saffi dengan kutipan sebanyak 1.7 tan. Manakala bagi kategori institut pengajian awam pula dimenangi oleh Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dengan kutipan sebanyak 4.9 tan buangan elektrik dan elektronik telah

berjaya dikumpul.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat, Tuan Teh Chai Aan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi Sumber Asli dan Alam Sekitar dan turut dihadiri oleh En. Zepri, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.



Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis

Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Peringkat Negeri Perlis pada 1 hingga 31 Oktober 2020 setiap sekolah rendah, sekolah menengah dan Institut Pendidikan Tinggi di seluruh Negeri Perlis



Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Perlis



SMK Tuanku Lailatul Shahreen



Sekolah Kebangsaan Putra



Sekolah Kebangsaan Putra




IPG Kangar Perlis



UniMAP Perlis



SMK Syed Saffi



SMK Perlis



Premis-premis di Perlis

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis



Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005



Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis Tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis (MAIPs) dalam menganjurkan program Jelajah Bermotor Rakan Alam Sekitar (RAS) Perlis Santuni Asnaf Melalui Slot MAIPs Peduli. Program ini telah mendapat perkenan DYTM Tuanku Syed Faizuddin Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis untuk mencemar duli bersama-sama di dalam program ini.

Program jelajah ini telah dilepaskan oleh Tuan Teh Chai Aan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi Sumber Asli dan Alam Sekitar di Masjid Al-Istiqamah, Telok Jambu.



Terdapat beberapa mesej dan kempen yang dijalankan sepanjang program ini. Antaranya Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna, Kempen Penghijauan Bumi, Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik dan akhir sekali singgah di stesen pengawasan kualiti air sungai bagi Program Denai Sungai Kebangsaan.

Program jelajah berakhir di Masjid Al-Istiqamah, Telok Jambu dan DYTM Tuanku Syed Faizuddin Ibni Tuanku Syed Sirajuddin telah berkenan merasmikan program pada hari tersebut. Majlis perasmian turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat, Dato Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis dan Prof Madya Dr Mohd Asri bin Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis.

Program dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negeri dengan semua peserta diperiksa suhu, merekodkan kehadiran melalui MySejahtera, serta penggunaan penutup separuh muka dan sanitizer sepanjang program diadakan.



Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis

Program Jelajah Bermotor Rakan Alam Sekitar (RAS) Santuni Asnaf melalui Slot MAIPs Peduli telah diadakan pada 09 November 200 di Negeri Perlis .



Pada persinggahan pertama di Kampung Alor Sena, Padang Besar, Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna telah diwar-warakan untuk memberi kesedaran dan kefahaman tentang isu plastik dan kesan penggunaan plastik secara tidak terkawal. Melalui kempen ini juga, diterangkan tentang keperluan menggunakan beg yang boleh diguna semula bagi menggantikan beg-beg plastik yang sedia ada serta menggalakkan penggunaan bekas-bekas yang boleh diguna semula.



Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis

Program Jelajah Bermotor Rakan Alam Sekitar (RAS) Santuni Asnaf melalui Slot MAIPs Peduli telah diadakan pada 09 November 200 di Negeri Perlis .



Persinggahan kedua Jelajah Bermotor Rakan Alam Sekitar (RAS) pula di Kampung Kubang Gajah, Arau di mana Kempen Penghijauan Bumi telah diterangkan kepada orang ramai. Simbolik bagi program ini adalah baginda DYTM Tuanku Raja



Muda Perlis telah berkenan untuk menanam Pokok Harumanis di hadapan rumah asnaf sebagai menyokong kempen ini dan sebagai usaha menjadikan pertanian sebagai pendapatan seperti pepatah “berbudi pada tanah pasti ada hasilnya”.



Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis

Program Jelajah Bermotor Rakan Alam Sekitar (RAS) Santuni Asnaf melalui Slot MAIPs Peduli telah diadakan pada 09 November 200 di Negeri Perlis.



Jelajah Bermotor Rakan Alam Sekitar (RAS) telah singgah ke Kampung Padang Behor, Kangar dengan mengadakan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik. Melalui kempen ini, orang ramai telah diberi pendedahan tentang kesan dan bahaya pelupusan buangan elektrik dan elektronik sekiranya tidak diurus dengan betul. Pada kempen ini juga, syarikat Shan Poornam Metal juga telah memberi penerangan tentang kaedah pelupusan yang dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JAS.



Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis

Program Jelajah Bermotor Rakan Alam Sekitar (RAS) Santuni Asnaf melalui Slot MAIPs Peduli telah diadakan pada 09 November 200 di Negeri Perlis.



Destinasi terakhir Jelajah Bermotor Rakan Alam Sekitar (RAS) telah singgah di stesen pengawasan kualiti air sungai bagi Program Denai Sungai Kebangsaan sebelum berakhir di Masjid Al-Istiqamah, Teluk Jambu. Semasa berada di stesen ini JAS Perlis telah memberi penerangan kepada DTYM Raja Muda Perlis dan semua ahli RAS tentang parameter-parameter yang diukur dan program pengawasan air sungai yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).



Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis

Program jelajah berakhir di Masjid Al-Istiqamah, Teluk Jambu dan DYTM Tuanku Syed Faizuddin Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin telah berkenan merasmikan program pada hari tersebut. Majlis perasmian turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat, Dato Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis dan Prof Madya Dr Mohd Asri bin Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis.



Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar



Program Kesedaran Kepenggunaan Komuniti Dun Beseri “Udara Bersih, Persekitaran Sihat” Tahun 2020 pada 7 November 2020 di Kampung Paya Kelubi Beseri Perlis bersama dengan komuniti kampung.



Kempen Kesedaran Kepentingan Penjagaan Kawasan Persisiran Pantai Negara Bagi Negeri Perlis Tahun 2020 di Hutan Simpan Pulau Ketam pada 7 November 2020 bersama-sama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis serta jabatan kerajaan, agensi dan persatuan Negeri Perlis.

Program Volunsharing—Taman Rekreasi Bukit Jernih pada 15 November 2020



Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar



Program Volunsharing— Semarak Ecotourism @ Taman Rekreasi Bukit Jernih pada 15 November 2020 bersama dengan pihak MoTAC Perlis dan jabatan-jabatan kerajaan di Negeri Perlis bertempat di Bukit Jernih.

Program Voluntourism—Pemuliharaan dan pengindahan Eko Pelancongan @ Secret Garden, Gua Kelam pada 24 November 2020 bersama dengan pihak MoTAC Perlis dan jabatan-jabatan kerajaan di Negeri Perlis bertempat di Gua Kelam Kaki Bukit Perlis.




Program “Go Green” SMK Agama (P) Alawiyah pada 10 Disember 2020



Pemantauan dan Pengawasan Negeri Perlis



Pengawasan Air Bawah Tanah (ABT) yang dijalankan pada 07 Disember 2020 bagi empat (4) telaga di Negeri Perlis .



Penggunaan drone bagi membantu pegawai-pegawai JAS mencerap data imagery, pemetaan dan juga membantu kerja-kerja penguatkuasaan .



Program komuniti bersama dengan pihak kilang yang berdekatan bagi menjayakan Program Denai Sungai Kebangsaan di Terusan Jejawi pada 25 Disember 2020



Program Denai Sungai Kebangsaan Bil.2/2020 Peringkat Negeri Perlis 2020 telah diadakan pada 25 Disember 2020 di Terusan Jejawi. Seramai 80 orang peserta yg terdiri daripada komuniti Kawasan Perindustrian Jejawi seperti Shorubber (M) Sdn Bhd dan warga JAS Perlis telah bersama-sama menjayakan program Denai Sungai Kebangsaan bagi kali ke-2.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pendaftaran ahli rakan alam sekitar (RAS), program gotong royong membersihkan kawasan sekitar kawasan sungai, penanaman pokok dan aktiviti balingan bebola lumpur ke Terusan Jejawi.

Sebelum aktiviti balingan bebola Lumpur dibuat

para peserta didedahkan dengan kaedah penghasilan dan kebaikan bebola lumpur serta ditunjukkan cara pengukuran analisis air sungai secara in situ bagi melihat kualiti air sebelum aktiviti dijalankan.

Penggunaan Drone oleh JAS Perlis juga dijalankan semasa program ini dilaksanakan

Para peserta sentiasa diingatkan agar terus mematuhi SOP dengan memakai topeng separuh muka, menggunakan cecair sanitasi yang disediakan dan melakukan saringan suhu badan sebelum turut serta dalam program.

Melalui program ini, semua masyarakat akan terus sedar dan peka tentang kepentingan menjaga sungai dan tanggungjawab setiap individu dalam memelihara dan memulihara alam sekitar ini.



Program Denai Sungai Kebangsaan di Terusan Jejawi pada 25 Disember 2020



Pendaftaran Ahli Rakan Alam Sekitar (RAS)



Penanaman pokok di Sekitar Terusan Jejawi



Penggunaan drone semasa program dijalankan



Program Denai Sungai Kebangsaan di Terusan Jejawi pada 25 Disember 2020



Gotong royong di sekitar kawasan berhampiran Sungai (Terusan Jejawi) dan kilang Shorubber (M) Sdn Bhd .



Program Denai Sungai Kebangsaan di Terusan Jejawi pada 25 Disember 2020




Sebelum aktiviti balingan bebola lumpur (Mudball) ke Terusan Jejawi, para peserta didedahkan dengan kaedah penghasilan dan kebaikan bebola lumpur serta ditunjukkan cara pengukuran analisis air sungai secara in situ dengan menggunakan alat YSI bagi melihat kualiti air sebelum aktiviti dijalankan.



Azman, install the app for notifications, live video and more. [Install](#)

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man 7 hrs · 🌐

Alhamdulillah. Sejuk mata memandang. Muafakat membawa berkat. JAS Perlis dan ahli komuniti Kawasan Perindustrian Jejawi membanting tulang menjayakan program gotong royong Denai Sungai Kebangsaan di Terusan Jejawi. Terima kasih!
 Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama!
 #MalaysiaSejahtera
 #KASA



Operasi Bersepadu Ambang Tahun 2021 (Ops Gerak) JAS Negeri Perlis bersama JPJ, SPRM dan PDRM Negeri Perlis pada 31 Disember 2020



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis bersama-sama pasukan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan operasi Penguatkuasaan Bersepadu sempena Ambang Tahun 2021 di Pintu Gerbang Lebuhraya Kuala Perlis – Changloon (sempadan Perlis – Kedah).

Operasi yang bermula pada 8.30 malam dan berakhir pada lewat 12.00 malam ini melibatkan 14 orang pegawai penguatkuasaan JAS Perlis yang diketuai oleh Timbalan Pengarah JAS Perlis En Mohd Rosli bin Mohd Noor. Turut hadir di lapangan Pengarah JAS Perlis Tuan Haji Azman Shah Bin Ismail. Operasi ini memberi tumpuan kepada penguat-

kuasaan pelepasan asap hitam [Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996] dan bunyi bising daripada motosikal [Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987].

Sebanyak 39 kenderaan diesel pelbagai jenis telah melalui pemeriksaan dan 9 buah kenderaan telah diuji. Daripada jumlah yang diuji, satu (1) kompaun telah dikeluarkan. Manakala bagi bunyi bising, sebanyak 26 motosikal melalui laluan pemeriksaan dan 6 buah daripadanya telah diuji. Hasil ujian yang dijalankan satu (1) Notis Arahan dikeluarkan untuk penunggang membuat pemeriksaan lanjut dan uji semula.

Pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan terus dipergiatkan supaya pencemaran terhadap alam sekitar dapat dibendung bagi memastikan kelestarian alam sekitar.



Operasi Bersepadu Ambang Tahun 2021 (Ops Gerak) JAS Negeri Perlis bersama JPJ, SPRM dan PDRM Negeri Perlis pada 31 Disember 2020



Penguatkuasaan pelepasan asap hitam [Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996]



Penguatkuasaan bunyi bising daripada motosikal [Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987].



Diari Pengarah JAS Perlis 2020



Kayuhan Bersama DYTMM Tuanku Raja Muda Perlis



*Seseorang yang memberi petunjuk kepada kebaikan sama pahalanya seperti orang yang melakukannya
(HR. Bukhari)*



SIDANG REDAKSI

Penasihat	: Encik Azman Shah Bin Ismail
Ketua Editor	: Encik Mohd Rosli Bin Mohd Nor
Editor	: Puan Hafishoh Binti Md Isa
Sumber Bahan	: Ketua-Ketua Unit & Pegawai-Pegawai JAS Perlis